

100 pesawah bimbang pokok padi mati akibat sawah kering

Oleh ABD RAZAK OSMAN

SUNGAI PETANI – Kira-kira 100 pesawah di Kampung Sungai Pasir, Tikam Batu di sini berdepan masalah sawah kering berikutan sistem pengairan yang didakwa tidak sempurna sehingga menjejaskan aktiviti penanaman padi pada musim ini.

Mereka mendakwa, kegagalan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Kuala Muda menyalurkan bekalan air ke kawasan terlibat dalam tempoh terdekat ini akan menyebabkan pokok padi yang kini sedang berbuah bakal rosak dan mati.

Seorang pesawah, Ishak Awang, 53, dari Kampung Teluk Wang berkata, berikutan masalah itu, kebanyakan pesawah kini bergantung dengan air hujan semata-ma-

ta untuk mengairi kawasan sawah mereka.

“Berdasarkan jangkaan kami, pokok padi hanya mampu bertahan dalam tempoh seminggu lagi. Kami harap pihak JPS mengambil tindakan segera,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Abdul Rahim Shaai, 55, dari Kampung Bukit memberitahu, keadaan tersebut bukan sahaja menyusahkan pesawah, malah akan menyebabkan mereka mengalami kerugian.

“Semua padi ini akan dituai dalam tempoh dua bulan lagi dan jika sawah kering, segala usaha serta penat lelah kami selama ini akan menjadi sia-sia,” ujarinya.

Rakannya Md. Shaffiff Ishak, 56, pula berkata, dia tidak berpuas hati dengan kaedah pembahagian air ke kawasan sawah padi yang dilaku-

kan oleh pihak bertanggungjawab.

“Masalah kekurangan air ini berlaku di kawasan tertentu sahaja. Contohnya, pesawah di Kampung Bukit Kecik, Kampung Teluk Wang, Batu Lintang di sini mendapat kemudahan air, tetapi pesawah di Kampung Sungai Pasir tidak menerima bekalan itu,” dakwanya.

Sementara itu, Ketua Unit Pertubuhan Peladang Kawasan Sungai Pasir, Mahadzir Hashim, 55, memberitahu, masalah sawah kering yang dihadapi pesawah di kawasan itu perlu diselesaikan secepat mungkin demi kebaikan semua pihak.

“Jika hujan tidak turun dalam seminggu lagi, pokok padi pasti akan kering. Pihak berkenaan perlu melakukan sesuatu bagi mengelak pesawah mengalami kerugian,” katanya.



SEBAHAGIAN petani menunjukkan keadaan sawah yang kering akibat sistem pengairan tidak sempurna di Kampung Sungai Pasir, Tikam Batu, Sungai Petani semalam.